



**Malaysian
Aviation Commission**
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia

Garis Panduan Mengenai
**ORANG YANG
LAYAK DAN SESUAI**

Diterbitkan oleh



Aras 19, Menara 1 Sentrum,
201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tarikh kuat kuasa: 19 Ogos 2019

Pertanyaan berhubung dengan kandungan terbitan ini seharusnya dialamatkan kepada: enquiries@mavcom.my

Kandungan

BAHAGIAN A: GAMBARAN KESELURUHAN	
1. Latar belakang	1
Tujuan dan Objektif Dasar bagi Garis Panduan	1
Rangka Kerja Perundangan dan Pemakaian Garis Panduan	1
BAHAGIAN B: PENILAIAN KELAYAKAN DAN KESESUAIAN	
2. Penilaian	4
Kejujuran, Reputasi dan Integriti	4
Kompetensi dan Kebolehan	5
Integriti Kewangan	6
3. Keputusan	8
4. Glosari	9
BAHAGIAN C: BORANG AKUAN DAN KEBENARAN	
	10

BAHAGIAN A: GAMBARAN KESELURUHAN

1. Latar belakang

Tujuan dan Objektif Dasar bagi Garis Panduan

1.1 Garis Panduan ini menggariskan pendekatan Suruhanjaya dalam menilai kelayakan dan kesesuaian orang bertanggungjawab utama dalam sebuah syarikat perkhidmatan penerbangan. Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk membantu pemohon, pemegang lesen, dan pemegang permit dalam menilai sama ada orang bertanggungjawab utama tersebut layak dan sesuai untuk memimpin syarikat mereka secara berkesan dan strategik.

1.2 Suruhanjaya menghendaki supaya ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan sebuah syarikat perkhidmatan penerbangan memiliki kompetensi, sifat dan kelayakan yang diperlukan, sesuai untuk memegang jawatan yang boleh memastikan bahawa syarikat perkhidmatan penerbangan tetap berdaya maju dalam konteks industri penerbangan yang lebih luas. Garis Panduan ini terpakai kepada orang bertanggungjawab utama dalam syarikat perkhidmatan penerbangan yang memohon lesen atau permit, serta untuk orang bertanggungjawab utama dalam syarikat perkhidmatan penerbangan yang telah pun mempunyai lesen atau permit.

Rangka Kerja Perundangan dan Pemakaian Garis Panduan

1.3 Garis Panduan ini dikeluarkan oleh Suruhanjaya dalam melaksanakan kuasanya menurut seksyen 98A(1) Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771] bagi memberikan penjelasan dan panduan mengenai penilaian Suruhanjaya terhadap orang yang layak dan sesuai.

1.4 Garis Panduan ini terpakai kepada orang bertanggungjawab utama dalam syarikat yang memberikan perkhidmatan penerbangan yang mana syarikat tersebut merupakan pemohon lesen atau permit di bawah seksyen 39 dan 42 Akta 771, atau pemegang lesen atau permit di bawah seksyen 35, 36, 37 atau 38 Akta 771. Suruhanjaya juga boleh menjalankan penilaian orang yang layak dan sesuai terhadap pemegang lesen atau permit dari semasa ke semasa, pada bila-bila waktu sepanjang tempoh lesen atau permit.

1.5 Orang bertanggungjawab utama bagi syarikat perkhidmatan penerbangan dikenal pasti sebagai yang berikut:

- (a) lembaga pengarah;
- (b) pasukan pengurusan kanan;
- (c) mana-mana orang lain—
 - (i) yang memegang, secara langsung atau tidak langsung, 10% atau lebih saham pemohon; atau
 - (ii) yang mempunyai kuasa untuk membuat atau menyebabkan keputusan dibuat, berkenaan dengan perniagaan atau pentadbiran syarikat perkhidmatan penerbangan itu, dan melaksanakan keputusan tersebut atau menyebabkannya dilaksanakan; dan
 - (iii) mana-mana orang bertanggungjawab lain yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

1.6 Kesemua orang bertanggungjawab utama yang dikenal pasti dalam perenggan 1.5 di atas mesti meyakinkan Suruhanjaya bahawa mereka mematuhi kriteria orang yang layak dan sesuai dalam Bahagian B.

1.7 Faktor-faktor yang boleh dipertimbangkan oleh Suruhanjaya dalam melaksanakan Garis Panduan ini adalah tidak terhad, dan Suruhanjaya berhak untuk mengambil kira mana-mana faktor lain atau mengenakan apa-apa keperluan tambahan dalam penilaian kelayakan dan kesesuaiannya. Penilaian kelayakan dan kesesuaian hendaklah dijalankan berdasarkan kes mengikut kes.

1.8 Apabila penilaian orang yang layak dan sesuai dijalankan oleh Suruhanjaya, beban bukti terletak pada orang bertanggungjawab utama dalam syarikat perkhidmatan penerbangan tersebut untuk membuktikan bahawa mereka memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Suruhanjaya seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini. Mana-mana syarikat perkhidmatan penerbangan yang mempunyai sebarang keraguan mengenai bagaimana Garis Panduan ini boleh terpakai terhadapnya boleh mendapatkan nasihat guaman bebas.

1.9 Untuk mengelakkan keraguan, penilaian kelayakan dan kesesuaian yang dijalankan oleh Suruhanjaya adalah hanya menurut Akta 771.

1.10 Suruhanjaya akan menilai kelayakan dan kesesuaian seseorang dalam hal berikut:

- (a) Kejujuran, reputasi, dan integriti;
- (b) Kompetensi dan kebolehan; dan
- (c) Integriti kewangan.

1.11 Bahagian B Garis Panduan ini memperincikan faktor-faktor yang akan dipertimbangkan oleh Suruhanjaya dalam penilaian orang yang layak dan sesuai.

BAHAGIAN B: PENILAIAN KELAYAKAN DAN KESESUAIAN

2. Penilaian

Kejujuran, Reputasi, dan Integriti

2.1 Dalam menentukan sama ada seseorang orang bertanggungjawab utama adalah berwatak baik, Suruhanjaya akan meneliti watak dan sifat peribadi seseorang seperti—

- (a) integriti, kejujuran, ketekunan;
- (b) kebebasan dan keadilan dalam membuat keputusan; dan
- (c) kecenderungan atau kesanggupan untuk mengabaikan undang-undang.

2.2 Sifat-sifat ini terbentuk melalui peredaran masa dan memerlukan komitmen yang berdisiplin dan berterusan terhadap piawaian etika yang tinggi. Suruhanjaya juga akan menilai tingkah laku lampau sebagai gambaran terhadap potensi kelakuan masa hadapan seseorang.

2.3 Dalam proses penilaian Suruhanjaya terhadap kejujuran, reputasi, dan integriti seseorang, Suruhanjaya akan menitikberatkan faktor-faktor yang perlu dan berkaitan untuk menilai sama ada seseorang boleh memegang jawatan kedudukan tinggi dalam sesebuah syarikat perkhidmatan penerbangan, termasuk, antara lain, sama ada seseorang:

- (a) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan boleh daftar di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 atau kesalahan yang seumpamanya di bawah mana-mana bidang kuasa lain;

- (b) dalam kes-kes sivil, telah mengaku mempunyai liabiliti atau telah didapati mempunyai liabiliti oleh mana-mana Mahkamah atas dakwaan penipuan (frod), atau ketidakjujuran di bawah mana-mana bidang kuasa;
- (c) telah dikenakan penalti kewangan atau dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan profesional atau kewangan dalam mana-mana bidang kuasa;
- (d) telah ditarik balik hak untuk menjalankan apa-apa perdagangan, perniagaan, atau profesion yang baginya sesuatu kebenaran tertentu oleh mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan, badan profesional atau agensi kerajaan adalah dikehendaki oleh undang-undang dalam mana-mana bidang kuasa;
- (e) telah dipecat, diminta supaya meletakkan jawatan, atau telah meletakkan jawatan daripada pekerjaan atau daripada memegang jawatan sebagai seorang pengarah sebuah syarikat kerana penipuan (frod) atau ketidakjujuran;
- (f) telah membantah atau enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan yang mengakibatkan kegagalan atau kemungkinan kegagalan untuk mematuhi kehendak atau standard perundangan, pengawalseliaan dan profesional.

2.4 Perkara di atas adalah bukan senarai yang lengkap. Suruhanjaya boleh mempertimbangkan faktor-faktor lain dalam menilai kejujuran, reputasi, dan integriti seseorang.

Kompetensi dan Kebolehan

2.5 Orang bertanggungjawab utama dalam sesebuah syarikat perkhidmatan penerbangan perlu membuktikan bahawa beliau adalah seorang yang kompeten. Orang tersebut mesti menunjukkan bahawa beliau mempunyai kecekapan yang sesuai dan memiliki kebolehan dengan pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan.

2.6 Suruhanjaya akan seterusnya menilai kebolehan seseorang untuk memahami keperluan teknikal bagi perniagaan, risiko yang wujud, dan proses pengurusan untuk melaksanakan dan menunaikan obligasi dan tanggungjawabnya yang berkaitan dengan peranan dan jawatannya, secara berkesan.

2.7 Dalam menilai kompetensi seseorang, Suruhanjaya akan mempertimbangkan semua faktor yang berkaitan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada—

- (a) sama ada orang itu telah menunjukkan, melalui kelayakan, latihan, kemahiran, pengalaman praktikal, dan komitmen untuk melaksanakan tanggungjawab jawatan itu secara berkesan;
- (b) sama ada orang itu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai perniagaan tersebut;
- (c) sama ada orang itu mempunyai rekod prestasi masa lalu yang memuaskan atau kepakaran dalam bidang perniagaan yang sedang dijalankan.

Integriti Kewangan

2.8 Dalam menilai integriti kewangan seseorang, Suruhanjaya akan menentukan sama ada orang tersebut dapat menunjukkan kesolvenannya dan kawalan bijak terhadap hal ehwal kewangan peribadinya, yang digunakan sebagai petunjuk keupayaan seseorang bagi keselamatan dan kekukuhan perniagaan dan perlindungan kepentingan pihak berkepentingan lain.

2.9 Dalam menilai integriti kewangan seseorang, Suruhanjaya akan mengambil kira semua faktor yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) sama ada terdapat apa-apa petunjuk bahawa orang tersebut tidak mampu membayar hutang apabila hutang itu genap masa;
- (b) sama ada keperluan kesolvenan yang berkaitan dipenuhi;
- (c) sama ada orang tersebut mempunyai sebarang hutang penghakiman yang masih tertunggak dalam mana-mana bidang kuasa; dan
- (d) sama ada orang tersebut telah membuat pengaturan dengan pemiutang, memfailkan petisyen untuk kebangkrapan, telah diisytiharkan bankrap, atau mempunyai aset yang disita dalam mana-mana bidang kuasa.

2.10 Walau bagaimanapun, kemampuan kewangan terhad seseorang tidak semestinya menjejaskan kebolehan orang tersebut untuk memenuhi kriteria integriti kewangan.

3. Keputusan

3.1 Selepas penilaian orang yang layak dan sesuai selesai, Suruhanjaya boleh mempertimbangkan hasil penilaian itu dalam menilai permohonan lesen atau permit untuk menentukan sama ada sesebuah syarikat perkhidmatan penerbangan layak diberikan lesen atau permit. Hasil penilaian orang yang layak dan sesuai merupakan sebahagian daripada prosedur dalaman Suruhanjaya dan hendaklah dizahirkan kepada pemohon, jika hasil penilaian itu tidak memuaskan. Maklumat tersebut tidak akan diberikan kepada mana-mana pihak lain.

4. Glosari

1.	Akta	Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771].
2.	Perkhidmatan penerbangan	Sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta 771
3.	Syarikat perkhidmatan penerbangan	Sebuah syarikat yang memberikan perkhidmatan penerbangan
4.	Suruhanjaya	Suruhanjaya Penerbangan Malaysia
5.	Garis Panduan	Garis Panduan mengenai Orang yang Layak dan Sesuai
6.	Pemegang lesen / pemegang permit	Seorang pemegang lesen atau permit ialah pemegang suatu lesen atau permit yang telah diberikan menurut seksyen 39(6) Akta 771
7.	Pengurusan kanan	Pengurusan kanan terdiri daripada kumpulan individu teras yang mempunyai tanggungjawab utama terhadap pengurusan dan pembuatan keputusan dari sehari ke sehari dalam sebuah syarikat perkhidmatan penerbangan. Pengurusan kanan bertanggungjawab untuk membentuk suatu struktur pengurusan yang menggalakkan kebertanggungjawapan dan menyelia pengurus lini dan pekerja lain dalam melaksanakan fungsi mereka dalam bidang dan aktiviti tertentu, selaras dengan dasar dan prosedur yang ditetapkan oleh lembaga pengarah.

BAHAGIAN C: Borang Akuan dan Kebenaran (Lampiran D & E)

Lampiran D – Orang Yang Layak dan Sesuai (Borang Akuan)

Saya,

No. KP / Pasport:

Alamat:

.....

.....

dengan ini sesungguhnya mengesahkan dan mengaku perkara berikut—

Bil.	Kriteria	YA
Kejujuran, Integriti Peribadi, dan Reputasi		
1.	Saya tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan boleh daftar di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 atau kesalahan yang seumpamanya di bawah mana-mana bidang kuasa lain	
2.	Dalam kes-kes sivil, saya tidak pernah mengaku mempunyai liabiliti atau didapati mempunyai liabiliti oleh mana-mana mahkamah terhadap penipuan (frod) atau ketidakjujuran di bawah mana-mana bidang kuasa	
3.	Sepanjang pengetahuan saya, tiada penalti kewangan telah dikenakan ke atas saya atau apa-apa tindakan penguatkuasaan diambil terhadap saya oleh pihak berkuasa pengawalseliaan profesional atau kewangan dalam mana-mana bidang kuasa	
4.	Saya tidak pernah ditolak hak untuk menjalankan apa-apa perdagangan, perniagaan, atau profesion yang baginya sesuatu kebenaran tertentu oleh mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan, badan profesional, atau agensi kerajaan adalah dikehendaki oleh undang-undang dalam mana-mana bidang kuasa	
5.	Saya tidak pernah dipecat, diminta supaya meletakkan jawatan, atau meletakkan jawatan daripada pekerjaan atau daripada memegang jawatan sebagai seorang pengarah sebuah syarikat kerana kecuaiian, tidak kompeten, penipuan (frod), atau salah urus	

Bil.	Kriteria	YA
6.	Saya tidak pernah membantah atau enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan yang mengakibatkan kegagalan atau kemungkinan kegagalan untuk mematuhi kehendak atau standard perundangan, pengawalseliaan, dan profesional	
7.	Saya tidak pernah dikenakan sebarang tindakan oleh mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan, badan profesional atau agensi penguatkuasaan, dan saya juga tidak pernah menjadi subjek kepada sebarang siasatan yang sedang berlangsung, siasatan terdahulu atau prosiding penguatkuasaan	

Integriti Kewangan		
8.	Saya telah memenuhi kehendak kesolvenan relevan yang dikenakan ke atas saya	
9.	Sepanjang pengetahuan saya, saya tidak pernah tertakluk kepada hutang penghakiman yang masih tertunggak dalam mana-mana bidang kuasa	
10.	Saya tidak pernah membuat pengaturan dengan pemiutang, memfailkan petisyen untuk kebangkrapan, diisytiharkan sebagai bankrap, atau mempunyai aset yang disita dalam mana-mana bidang kuasa	

* Jika anda tidak menandakan 'YA', sila jelaskan dan/atau sertakan dokumen yang berkaitan

Penjelasan bagi item yang tidak ditandakan 'YA'	
Bil.	Penjelasan

Dokumen yang diserahkan	
Kurikulum vitae / profil (wajib)	

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783].

.....

(Tandatangan orang bertanggungjawab utama yang membuat akuan)

Nama:

Tarikh:

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh yang
tersebut namanya di atas

.....

di

di dalam Negeri

pada, 20.....

Di hadapan saya,

.....

(Pesuruhjaya Sumpah)

Lampiran E – Borang Kebenaran dan Keizinan Laporan Kredit dan Latar Belakang

Saya dengan ini memberikan keizinan dan membenarkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ("**Suruhanjaya**") untuk mendapatkan sebarang maklumat kredit daripada mana-mana Agensi Pelapor Kredit yang berdaftar selaras dengan Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 [Akta 710], Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701]. Saya juga bersetuju bahawa Suruhanjaya boleh mendapatkan maklumat tersebut pada bila-bila masa sepanjang tempoh suatu lesen atau permit yang diberikan oleh Suruhanjaya.

.....

(Tandatangan orang bertanggungjawab utama yang memberikan kebenaran)

Nama:

NRIC / No. Pasport:

Tarikh: